



PUTRAJAYA, 8 Februari - Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengetuai Siri Jelajah Kementerian Kewangan ke Jepun bagi menarik pelabur sempena penerbitan bon samurai.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan, berkata lawatan tiga hari bermula 6 Februari lalu itu antara lain bagi mengadakan pertemuan dan rundingan dengan pelabur dan pegawai tertinggi kerajaan di negara matahari terbit itu.

Menurut kenyataan itu, sesi lawatan itu juga bagi memasarkan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang stabil dan berpotensi tinggi.

Katanya, siri jelajah itu membabitkan 20 peserta, termasuk Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir, Timbalan KSP, Datuk Siti Zauyah Md Desa, dan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Marzunisham Omar.

“Siri jelajah ini diaturkan oleh Daiwa Markets Limited dengan kerjasama Affin Hwang Investment Berhad, HSBC Bank Malaysia Berhad dan Mizuho Bank (Malaysia) Berhad selaku pengatur utama bersama yang dilantik oleh Kementerian Kewangan bagi tujuan penerbitan bon samurai,” katanya, hari ini.

Kenyataan itu yang turut memetik Guan Eng berkata, Menteri Kewangan itu memaklumkan pelabur antarabangsa berkeyakinan dengan potensi ekonomi Malaysia serta kebolehan Kerajaan untuk memacu ekonomi negara ke hadapan.

Guan Eng berkata, Malaysia terus dilihat sebagai destinasi pelaburan yang menarik oleh pelabur, lebih-lebih lagi dengan komitmen kerajaan untuk mentadbir berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, seorang negarawan antarabangsa yang disegani dan tidak asing kepada rakyat Jepun.

“Mereka yakin pelaburan mereka akan digunakan untuk tujuan membangunkan ekonomi Malaysia dengan sebaiknya,” katanya.

Dalam lawatan itu, Guan Eng turut bertemu dengan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Jepun, Taro Aso; dan Penasihat kepada Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Keselamatan Awam, Shinya Izumi.

“Menerusi pertemuan itu, beliau menyampaikan penghargaan kerajaan Malaysia atas kesudian kerajaan Jepun melalui Japan Bank of International Cooperation (JBIC) untuk memberikan jaminan ke atas bon Samurai Malaysia bagi mengurangkan kos pembiayaan ke atas pinjaman.

“Pihak kerajaan Jepun bukan saja memudahcara terbitan bon Samurai ini dalam tempoh yang singkat, tetapi juga membuka peluang perniagaan dalam bidang lain,” katanya. Selain itu, perjumpaan itu juga membincangkan hala tuju perhubungan kedua-dua negara dan ruang meningkatkan kerjasama dan pelaburan dalam pelbagai bidang strategik.

“Perhubungan erat dan kerjasama antara kedua-dua kerajaan sejak sekian lama diyakini dapat dipertingkatkan lagi melalui lawatan ini dan memberikan impak yang positif kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan.

“Diharapkan hubungan kedua-dua negara akan berkembang kembali seperti zaman dasar Pandang ke Timur mula dilancarkan oleh Dr Mahathir, yang mana negara Jepun antara negara yang memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi Malaysia pada waktu itu,” katanya.
